

'Ada golongan yang tidak tahu bersyukur'

BH 1 SEP 1984

KUALA LUMPUR, Jumaat — **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** keaarkan sikap **golongan-golongan** tertentu yang mengancam kerajaan setelah mereka menikmati pelbagai bantuan dan kemudahan.

Perdana Menteri menyelar golongan itu, yang dipengaruhi oleh sebuah parti politik yang kononnya memperjuangkan Islam, kerana tidak tahu **merasa insaf** dan ayukur atas pemberian Tuhan.

Berucap meraikan 444 **pejuang** menentang **Malayan Union** dalam jamuan di Bangunan Parliamen malam tadi, beliau berkata, golongan itu mendakwa **Dasar Ekonomi Baru** cuma menguntungkan sebilangan kecil orang Melayu.

Katanya, **di samping** tidak **insaf** atas nikmat yang diperolehi **hasil kemerdekaan**, **golongan** itu

Oleh **AHMAD PUAD ONAH**

juga mengecam tindakan kerajaan yang memplinnya sebilangan besar adalah **orang Melayu**.

"Yang anehnya orang yang membuat tuduhan seperti itu, yang menerima nikmat. Jika tidak kerana **Dasar Ekonomi Baru**, mereka tidak dapat pelajaran dan tidak dapat berucap keraha tidak siapa pun akan memandang tinggi kepada mereka.

Assabiyah

"Golongan ini tidak pernah insaf dan syukur. Setelah mendapat nikmat dan pertolongan yang diusahakan oleh kerajaan, mereka maki hamun orang yang memberi pertolongan kepada mereka. Orang yang semacam ini tidak akan mendapat nikmat lagi."

tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir mencabar golongan itu supaya menolak peluang-peluang yang diberikan menerusi DEB jika benar dasar itu tidak membawa faedah.

Beliau juga mendedahkan, parti politik itu telah menanam perasaan "malu menjadi Melayu" di kalangan anak-anak Melayu.

Katanya, "Pada hari ini ada anak-anak muda yang tidak mengakui mereka Melayu kononnya menjadi Melayu itu haram. Perasaan malu ini sudah ditanam di hati mereka kononnya menjadi Melayu itu bertentangan dengan Islam."

Golongan itu mendakwa sesiapa yang mengakui dirinya orang Melayu termasuk dalam golongan **Assabiyah**.

"Golongan itulah sebe-

narnya yang **Assabiyah** kerana mereka terlalu terpengaruh dengan sesuatu sehingga menolak bangsa," ujarnya.

Beliau berkata, pengaruh kumpulan itu juga menyebabkan hilang rasa kesyukuran terhadap nikmat kemerdekaan di kalangan anak muds sehingga ada yang menganggap kemerdekaan itu satu perkara biasa dan orang-orang yang memperjuangkan kemerdekaan negara tidak mempunyai nilai.

Bimbang

Sambil membidas usaha kumpulan manusia yang tidak bertanggungjawab, angkuh dan sombong itu, **Datuk Seri Dr Mahathir** menyatakan kebimbangan tentang kemuhgkinan hilangnya kemerdekaan negara ini jika perasaan kebangsaan dihapuskan.

"Tidak mungkin kemerdekaan dapat dituntut kembali oleh kerana orang yang mengambil alih pentadbiran negara tidak akan melayan tuntutan kita," ujarnya.

Perdana Menteri menggesa rakyat supaya jangan terpengaruh dengan dakyah seumpama-